

1MDB mahu fokus kejayaan pelan rasionalisasi
Free Malaysia Today
Jun 8, 2016

1MDB menegaskan syarikat itu memiliki kedudukan kecairan yang kukuh.

KUALA LUMPUR: 1MDB menegaskan syarikat itu memiliki kedudukan kecairan yang kukuh dan kekal fokus ke atas usaha untuk menjayakankan pelaksanaan pelan rasionalisasinya.

Menerusi satu kenyataan, ia berkata penarikan penarafan oleh Moody's Investor Services ke atas 5.99% terbitan nota tidak bercagar senior bernilai US\$1.75 bilion oleh 1MDB Energy Ltd (Energy Notes), dilaksanakan tanpa penurunan penarafan kredit "Aa2" Moody's ke atas Energy Notes.

1MDB juga mengulangi bahawa Energy Notes terus memperoleh manfaat daripada penarafan "AA" daripada Standard and Poor's.

Laporan menyebut penarikan Moody's ke atas penarafan 5.99% hutang US\$1.75 bilion dibuat "atas sebab-sebab perniagaannya sendiri".

"Penarafan kredit "Aa2" Moody's bagi Energy notes sah sehingga peringkat penarikan balik penarafan itu, iaitu penarikan itu dilakukan tanpa menurunkan penarafan kredit," kata 1MDB.

Ia juga berkata seperti dokumen Dasar Penarikan Penarafan Kredit Moody's yang menunjukkan bahawa penarafan kredit ditarik balik atas "sebab-sebab perniagaan", ia merujuk kepada sebab-sebab perniagaan dan bukan kepentingan entiti yang diberikan penarafan atau pihak bertanggungjawab.

"Sebab-sebab perniagaan Moody's secara umumnya tidak menggambarkan sebarang kebimbangan ke atas entiti kredit yang diberikan penarafan atau kualiti pengurusannya," kata 1MDB.

-bernama

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/08/1mdb-mahu-fokus-kejayaan-pelan-rasionalisasi/>